



OLEH  
USTAZ MUHAMMAD  
ABDULLAH AL-AMIN

# Peranan Wanita Dalam Kerukunan Rumah Tangga



**K**ELUARGA  
MEMILIPAKAN  
SEBUAH  
INSTITUSI YANG  
SANGAT PENTING  
DALAM ISLAM KERANA  
GENERASI HEBAT  
LAHIR DARIPADA  
INSTITUSI KELUARGA  
YANG HEBAT LALU  
BAGAIMANAKAH CARA  
UNTUK MELAHIRKAN  
INSTITUSI KELUARGA  
YANG HEBAT?  
PASTILAH MENERUSI  
RUKUN ATAU ASAS  
PEMBINAAN RUMAH  
TANGGA.

Dalam membina kerukunan rumah tangga, peranan dan tanggungjawab seorang wanita atau ibu sangat penting sekalipun wanita itu mempunyai kerjaya. Pun begitu, kefahaman agama dan ilmu rumah tangga menjadi penguat kaum Hawa mengekalkan keharmonian mahligai yang dibina.

Oleh sebab itu, apabila seorang wanita sah bergelar isteri, dia perlu taat kepada suami selagi mana perintah tersebut tidak membawa kepada kemunggaran.

Selida Naba s.a.w, maknasanya: "Tiada ketertarikan kepada makhluk dalam kemaksiatan kepada Allah." (Riwayat Imam Ahmad)

Selain itu, para isteri perlu melayan kehendak suami mereka yang menungguni zahir dan batin mereka dengan sebaik-baiknya, menjaga rumah tangga, marah dan menjaga diri dari suami. Tidak terlaksna menjaga suami (furusat beraja) dan menyibaklah mata hati mereka ke rumah tangga mereka.

Beralih peranan wanita sebagai ibu, mereka perlu mendidik dan menjadi contoh terbaik kepada anak-anak. Meskipun begitu, bapa juga perlu mengambil peranan dengan memberi keselesaan agar misi membesarkan anak-anak berjalan dengan sempurna dan seimbang.

## TUNJANG WANITA SEJATI

Memandangkan wanita memainkan peranan besar dalam institusi keluarga, tiga elemen utama ini perlu dijadikan tunjang dalam memikul amanah yang dianugerahkan oleh Allah kepada mereka.

### 1. SABAR

Dalam konsep berumah tangga, sifat sabar sangat penting untuk diterapkan dalam hubungan suami isteri. Sebagai seorang ibu pula, wanita hendaklah sabar melayani kerenah anak-anak. Jangan mudah melontarkan kata-kata kesat kepada anak-anak yang tidak mentaatinya. Ini kerana, bimbang kata-kata kesat itu menjadi doa kepada anak-anak. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah menerusi ayat 153: *Maksudnya: Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.*

Pasti ada hikmah yang besar bagi orang yang bersabar. Sabar dalam melayani kerenah suami dan anak-anak. Selain itu, sabar dengan

ujian di dalam rumah tangga. Pada hakikatnya, tidak mudah untuk seseorang itu melayari bahtera rumah tangga. Dengan sifat-sifat yang baik seperti sabar inilah yang membawa seseorang itu ke arah kejayaan dalam rumah tangganya dan pasti setiap yang dilakukan akan diberi balasan daripada Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t. lagi:

*Maksudnya: Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabarlah yang dicukupkan pahala mereka tanpa batas. (Surah az-Zumar: 10)*

### 2. MEMAHAMI DAN PEKA

Setiap pasangan perlu ada sikap memahami dan sifat peka antara satu sama lain. Contohnya, ambil tahu dengan siapa anak-anak berkawan, ke mana mereka selalu keluar dan lain-lain lagi.

Selain itu, orang yang mempunyai sifat peka ada beberapa kelebihan padanya. Antaranya dia dapat melihat apa yang tersirat dan dia memahami perubahan air muka orang yang dekat dengannya. Jika seseorang itu tiada sifat peka, dia akan membiarkan sesuatu perkara menjadi semakin parah.

Dia juga akan tahu tentang tanggungjawab yang perlu ditunaikan tanpa disuruh.

Antara kelebihan lain juga ialah dia bijak merancang dalam melakukan sesuatu amalan tanpa disuruh.

Sebagaimana sikap memahami dan pekanya Rasulullah kepada isterinya Aisyah Ummul Mukminin. Sabda Nabi s.a.w. kepada Aisyah r.a.:

*Sesungguhnya aku mengetahui bila kamu senang terhadapku, dan bila kamu sedang marah terhadapku. Aisyah r.a. berkata: Dari mana engkau mengetahuinya wahai Rasulullah? Baginda menjawab, "Bila kamu senang kepadaku, kamu menjawab, 'Tidak, demi Tuhan(nya) Muhammad', tapi bila kamu sedang marah kepadaku, kamu berkata, 'Tidak, demi Tuhan Ibrahim a.s.'" Aisyah r.a. menjawab: "Ya, benar begitu." (Riwayat Muslim)*

### 3. BERTIMBANG RASA DAN BERTOLAK ANSUR

Sikap bertimbang rasa dan bertolak ansur dalam rumah tangga merupakan suatu perkara yang sangat penting. Tanpa sikap ini rumah tangga akan musnah.

Sabda Nabi s.a.w.: *Siapa yang melampangkan satu kesusahan orang yang beriman daripada kesusahan-kesusahan dunia, Allah akan melampangkan orang itu satu kerumitan dari kerumitan akhirat. Dan siapa yang memudahkan orang yang susah, Allah akan memudahkannya di dunia dan di akhirat. Siapa yang menutup keaiban orang Islam, Allah akan menutup keaibannya di dunia dan di akhirat. Dan Allah sentiasa menolong hamba itu selagi hamba itu mahu menolong saudaranya. (Riwayat Muslim)*